

## Keris: Falsafah dan Isu Masa Kini

KHAMIS MOHAMAD & NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABDUL RAHMAN

### ABSTRAK

*Keris sebagai artifak bangsa Melayu telah melalui sejarah perjalannya yang panjang. Asal pembuatannya sebagai senjata mempertahankan diri dan alat regalia empayar kerajaan Melayu, telah berubah fungsinya mengikut peredaran zaman. Hal ini jelas dengan pernyataan keris masa kini yang lebih merupakan ‘azimat, mempunyai kuasa ghaib dan senjata pusaka atau besi mulia dan bernilai’ sahaja. Pelbagai falsafah, bahan baku pembuatan keris diaplikasikan oleh Pandai Besi dan Empu dalam merealisasikan ciptaan unggulnya. Namun, ketidakfahaman dan kekeliruan berlaku dalam menjelaskan keris pada masa kini dengan menyalahafsirkan aksi menghunus, mencium dan menjulang keris ke langit. Pernyataan sifat bangsa Melayu, iaitu ‘tunduk memberi hormat, mengangguk bagi mengiakan, mengalis menolak sengketa’ dikatakan telah melemahkan bangsa Melayu yang sentiasa penuh adab dalam kehidupannya.*

*Kata kunci:* keris, senjata, regalia, empayar Melayu, azimat

### ABSTRACT

*The keris as a Malay relic has been through a lengthy historical journey. Its’ original purpose as a weapon of self-defense and regalia for the Malay empire has significantly changed as time went by. This is evident in the belief that the keris of today is merely a ‘talisman, which possesses supernatural powers and an inherited weapon or a highly regarded and precious piece of metal’. A range of philosophies, of manufacturing raw materials is applied by the ‘Pandai Besi’ and ‘Empu’ in the realization of its flagship creations. However, there occurs misunderstanding and confusion in articulating the keris at present times with numerous misinterpretations of brandishing, kissing and lifting the keris upward pointing towards the sky. The classification of the Malays as people who ‘bow in respect, nod to affirm, dodge to avoid conflict’ is said to have undermined the Malay people whom courteously practice chivalry in their lives.*

*Key words:* keris, weapon, regalia, Malay empire, talisman

### PENDAHULUAN

Umumnya, Keris adalah satu daripada alat persenjataan bangsa Melayu selain pedang, badik, kelewang, tumbuk lada, kerambit, sewar dan sebagainya. Walaupun keris sebagai senjata, keris dicipta bukan dengan tujuan untuk membunuh atau menikam lawan. Hal ini jelas dengan pernyataan di kalangan masyarakat Melayu yang menganggap keris sebagai ‘azimat’. Orang Jawa mengatakan keris adalah satu daripada ‘tosan aji’ dalam budaya Jawa yang merupakan ‘senjata yang mempunyai kuasa ghaib’ dan ‘memberikan kepercayaan dan keyakinan diri dalam meraih nasib baik dan keberuntungan, terlindung dan selamat’ untuk pemiliknya. Manakala dalam masyarakat Bugis, keris adalah ‘polo bessi’ yang dianggap sebagai ‘senjata pusaka atau besi mulia dan bernilai’. Oleh itu, pernyataan umum yang mengatakan keris untuk membunuh atau ‘mengamuk’ adalah sesuatu

hal yang jauh tersasar daripada konsep sebenarnya keris diciptakan.

### APA ITU KERIS

Pada kebiasaannya, apabila menyebut atau menyatakan keris, orang Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya, akan terus mengaitkan keris dengan hal-hal yang berkaitan dengan puaka dan kemistik yang berada pada keris. Ketakutan atau ‘phobia’ keris di war-warkan dengan meluas melalui media cetak dan elektronik, di samping pernyataan-pernyataan tidak berasas di lemparkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu seperti parti politik tanpa memahami apa itu keris sebenarnya bagi masyarakat Melayu. Ketidakfahaman dan kekeliruan tentang falsafah sebenarnya penciptaan keris adalah sesuatu yang tentunya boleh menjelaskan harmoni masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Oleh itu, apa sebenarnya yang dikatakan keris? Sarjana perkerisan, iaitu sama ada dari Barat, Indonesia dan Malaysia (Raffles 1817; Crawfurd 1820; Gardner 1936; Frey 1986; Draeger 1972; Duuren 1998; Koesni 1979; Moebirman 1980; Hamzuri 1983; Buanadjaya 1998; Ki Hudoyo Doyodipuro 1999; Bambang Harsrinuksmo 2004; Haryono Haryoguritno 2005; MT Arifin 2006; Ragil Pamungkas 2007; Prasida Wibawa 2008; Shahrum Yub 2006; Hanizah Jonoh 1997; Zakaria Abdulllah 2007; Mohd. Zainuddin Hj. Abdulllah & Mohd. Shahrim Senik 2007 dan Emil Bahari 2009) menjelaskan pelbagai hal, fakta dan isu yang berkaitan dengan keris.

Frey (2003) menyatakan bahawa:

*'keris is an elongated dagger or short sword of slender proportions with a blade of rough texture sharpened on both edges. The base of the blade at the hilt always widens at one side...The keris is seldom very sharp, this combined with its light weight indicates that it evolved as a thrusting weapon for personal defense'.*

Haryono Haryoguritno (2006) menjelaskan bahawa keris bermaksud '*'besi yang bernilai dan dimuliakan'*'. Shahrum Yub (2006) pula menyatakan '*'keris sebagai benda yang sengaja dibuat tajam dan dalam bentuk yang mudah dipegang atau digenggam bagi dijadikan senjata untuk menikam atau menusuk'*'. Hashim Hj. Mohd. Noor (2004) menjelaskan bahawa '*'keris adalah sejenis senjata tradisi orang Melayu yang mempunyai ciri-ciri khusus, iaitu bersaiz panjang atau pendek, mempunyai dua mata yang tajam, bilahnya lurus atau berkelok-kelok, runcing di bahagian hujung dan melebar di sebelah pangkal'*'. Manakala Muhamad Daud et al. (2009) menyatakan bahawa '*'keris mempunyai kedua-dua tepi mata dan hujungnya tajam dan bentuknya boleh berkeadaan lurus atau berlok. Selain daripada itu matanya melebar ke arah pangkal dan pada bahagian pangkalnya lebar tidak simetri, iaitu satu belahnya lebih lebar berbanding satunya lagi'*'.

Bagi pengetahuan umum, keris mempunyai pelbagai jenis atau klasifikasi mengikut geografi pembuatannya. Di alam Melayu pelbagai jenama keris diciptakan. Antaranya ialah Keris Pattani, Keris Semenanjung, Keris Jawa, Keris Sumatera/Palembang/Minang, Keris Bali/Lombok dan Keris Bugis. Apa pun penjenamaannya, keris tetap di anggap keris bagi masyarakat Melayu. Walau

bagaimanapun, kelainan terdapat di Bali apabila keris disebut sebagai *'kedutan'* dan di Sulawesi, keris disebut sebagai *'selle'* atau *'tappi'*. Manakala di Mindano, keris disebut *'sundang'*.

## SIAPA PEREKA-CIPTA KERIS

Keris di reka-cipta oleh tukang besi yang tersohor dan dikenali sebagai Pandai Besi atau Empu. Pandai Besi atau Empu mempunyai kemahiran dalam membuat dan menempa keris dengan menggunakan pelbagai bahan baku bagi menghasilkan bilah keris bermutu tinggi. Haryono Haryoguritno (2005) menjelaskan bahawa:

*'Orang akan mendapat sebutan Empu apabila ia memiliki kesaktian, kepandaian atau kemampuan batin yang lebih daripada orang kebanyakan... Gelar Empu dalam dunia perkerisan diberikan kepada orang yang bertanggungjawab langsung dan menyeluruh dalam pembuatan bilah keris. Dia yang memilih bahan baku, menentukan saat dimulai pekerjaan, mengolah bahan pembuatan keris, merekayasa pola pamor, mengerjakan dhapur (bentuk), menggarap keindahan ricikan (bahagian-bahagian bilah keris), termasuk urusan sesajinya'.*

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa Pandai Besi atau Empu memiliki beberapa keahlian khusus dalam mencipta daya kreatif penempaan keris. Misalnya, Basuki TeguhYuwono (2008) menyatakan bahawa seseorang Empu merupakan ahli dalam bidang agama dan spiritual, ahli bidang olah senjata, ahli psikologi, ahli anatomji, ahli politik, ahli bidang sastera dan ahli bidang artistik. Sebagai ahli dalam bidang agama dan spiritual, Empu dianggap suci, mampu memahami hal ghaib dan memimpin upacara keagamaan seperti urusan sesaji. Sebagai ahli dalam bidang olah senjata, Empu adalah seorang pendekar dan ahli persilatan yang mahir bermain senjata. Dalam memahami karakter pemesan keris, Empu merupakan orang yang memahami psikologi daripada aspek watak, perilaku dan karakter pemakai keris. Dalam membentuk bilah keris, Empu mereka-cipta keris mengikut ukuran badan pemakai keris dengan mengambil ukuran tiap-tiap bahagian keris menggunakan ukuran badan pemakai keris. Hal ini menjelaskan bahawa Empu adalah seorang ahli anatomji yang tidak ada tandingannya. Sebagai orang yang mempunyai hubungan rapat dengan istana/keraton, Empu juga terlibat dengan percaturan politik

dan strategi ketatanegaraan seperti mana berlaku pada zaman kerajaan Majapahit. Biasanya, Empu adalah seorang yang terpelajar yang memahami sastera yang berkaitan dengan pengetahuan ilmu kebatinan. Dalam membentuk bilah keris, iaitu sama ada berbentuk lurus atau lok dan pelbagai reka-cipta ricikan/anatomji, Empu sebenarnya adalah seorang yang artistik dalam mengekspresikan ciptaan kerisnya melalui proses pembuatan dan penempaan.

### BAHAN PEMBUATAN BILAH KERIS

Selanjutnya, dalam menyatakan bahan baku pembuatan bilah keris, Pandai Besi atau Empu menggunakan bahan besi yang pelbagai. Contohnya, sarjana perkerisan seperti MT. Arifin (2006) memberikan tujuh belas (17) jenis besi sebagai bahan utama pembuatan keris. Manakala Ki Hudoyo Doyodipuro (1999) pula menyatakan bahawa terdapat enam puluh (60) jenis besi sebagai bahan pembuatan keris. Tujuh belas (17) bahan besi tersebut ialah besi *Pulasani/Karinduaji*, besi *Mangangkang Jaler*, besi *Mangangkang Estri*, besi *Walulin*, besi *Katub*, besi *Kamboja*, besi *Ambal*, besi *Winduadi*, besi *Tumpang*, besi *Werani*, besi *Welangi*, besi *Terate*, besi *Malelaruyun*, besi *Malelagendhaga*, besi *Kenur*, besi *Tumbuk* dan besi *Balitung*. Bagi enam puluh (60) jenis besi yang telah dinyatakan ialah besi *Karang Kijang*, besi *Purosani*, besi *Mangangkang*, besi *Walulin*, besi *Katum*, besi *Kamboja*, besi *Ambal*, besi *Sinduaji*, besi *Tumpang*, besi *Warani*, besi *Welangi*, besi *Terate*, besi *Malelauyung*, besi *Malela*, besi *Kenur*, besi *Tumbuk*, besi *Balitung*, besi *Keleman*, besi *Penuh*, besi *Malelagendaga*, besi *Kanthet*, besi *Karangkijang + besi Malik*, besi *Purosani + besi Malik*, besi *Walulin + besi Katum + besi Malik*, besi *Kamboja + besi Malik*, besi *Ambal + besi Malik*, besi *Sinduaji + besi Malik*, besi *Tumpang + besi Malik*, besi *Warani + besi Malik*, besi *Goran + besi Malik*, besi *Mawang*, besi *Balitung*, besi *Penawang*, besi *Tumbuk + besi Terate*, besi *Tumpang + besi Welangi*, besi *Pulosani + besi Winduaji*, besi *Karangkijang + besi Pulosani*, besi *Karangkijang + besi Mangangkang*, besi *Karangkijang + besi Walulin*, besi *Karangkijang + besi Katub*, besi *Karangkijang + besi Kamboja*, besi *Karangkijang + besi Ambal*, besi *Karangkijang + besi Tumbuk*, besi *Karangkijang + besi Werani*, besi *Pulosani + besi-besi Mangangkang*, *Walulin*, *Katub*, *Kamboja*, *Ambal*

dan *Winduaji*, besi *Terate + besi-besi lain*, besi *Mangangkang + besi Tumpang*, besi *Keleman*, besi *Mentah*, besi *Enuh*, besi *Karangkijang + besi Walulin*, besi *Pulosani + besi Malik*, besi *Mangangkang + besi Malik*, besi *Mangangkang (betina) + besi Malik* dan besi *Walulin + besi Malik*.

Walau bagaimanapun, dalam ujian metallurgi, iaitu ujian '*non-destructive testing*' yang dilakukan ke atas tujuh (7) bilah keris dengan kerjasama SIRIM Berhad menjelaskan penampilan pelbagai unsur bahan pembuatan. Hasil ujian menunjukkan bahawa Keris Pattani, Keris Minang/Sumatera, Keris Jawa dan Keris Bugis mengandungi dua (2) unsur bahan pembuatan, iaitu Besi dan Silikon. Keris Semenanjung mempunyai unsur bahan Besi dan Nikel. Keris Lombok mempunyai tiga (3) unsur bahan, iaitu Besi, Nikel dan Silikon. Manakala Keris Bali pula memperlihatkan empat (4) unsur bahan, iaitu Besi, Nikel, Tembaga dan Silikon. Walau bagaimanapun, kesemua unsur bahan pembuatan yang dikesan, iaitu, Silikon, Nikel dan Tembaga mengandungi komposisi peratusan yang kurang daripada 1%. Unsur bahan Besi (Fe) jelas merupakan unsur bahan yang dominan dalam pembuatan dan penempaan keris-keris yang dinyatakan, iaitu komposisi peratusannya lebih daripada 99%.

Manakala hasil ujian '*destructive testing-material composition*' yang dilakukan ke atas Keris Bugis-Semenanjung yang diuji pula memberikan statistik yang lebih jelas tentang unsur bahan logam yang digunakan dalam pembuatan dan penempaan keris. Ujian membuktikan bahawa Besi (Fe) merupakan komposisi unsur bahan yang paling dominan sekali dalam proses pembuatan dan penempaan bilah keris, iaitu sebanyak 99.8%. Jelasnya, unsur bahan lain walaupun memperlihatkan 20 unsur bahan seperti dalam ujian, analisis ujian mendapati bahawa peratus komposisinya kurang daripada 1%, iaitu sebanyak 0.2% sahaja. Hasil ujian menjelaskan bahawa unsur bahan utama dalam pembuatan dan penempaan bilah keris adalah Besi. Manakala unsur bahan-bahan lain merupakan unsur sampingan yang berfungsi sama ada untuk menambahkan kekuatan bilah keris yang ditempa, pembentukan corak dan pola pamor atau sebagai hiasan bagi mencantikkan bilah keris. Oleh itu, melalui ujian '*destructive testing-material composition*' yang dibuat telah membuktikan bahawa bilah keris mengandungi pelbagai unsur bahan logam. Unsur bahan logam yang dikesan

dalam pembuatan dan penempaan bilah keris tersebut adalah sebanyak 21 jenis unsur bahan. Unsur-unsur bahan tersebut adalah Besi (Fe), Carbon (C), Lead (Pb), Tin (Sn), Manganese (Mn), Nickel (Ni), Silicon (Si), Phosphorus (P), Chromium (Cr), Sulfur (S), Molybdenum (Mo), Niobium (Nb), Cobalt (Co), Aluminum (Al), Titanium (Ti), Copper (Cu), Vanadium (V), Tungsten (W), Arsenic (As), Zirconium (Zr) dan Boron (B).

(Nota: dalam penulisan gaya budaya, sarjana perkerisan menggunakan istilah bahan baku dalam menjelaskan hal mengenai kaedah pembuatan dan penempaan bilah keris. Manakala istilah unsur bahan digunakan dalam penulisan sains seperti mana ujian metalurgi yang dilakukan oleh SIRIM Berhad. Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah tersebut diguna pakai dalam penulisan ini bagi merujuk kepada hal yang sama).

### FALSAFAH KERIS

Huraian tentang apa itu keris, siapa penciptanya dan bahan pembuatan menjelaskan sifat keris dalam bentuk fizikalnya. Setiap keris yang dicipta oleh Pandai Besi atau Empu menganjurkan pelbagai falsafah pembuatannya. Dalam setiap penciptaan keris, terdapat tiga perkara yang diformulasikan, iaitu *falsafah, adab dan rahsia*. Bangsa Melayu penuh dengan falsafah, kaya dengan adab dan sarat dengan rahsia. Walaupun falsafah keris dicipta bukan dengan niat membunuh, tetapi keris tetap sebagai senjata apabila dikeluarkan daripada sarungnya, dihunus dan digunakan, pasti boleh membawa malapetaka. Hal ini adalah disebabkan perlakuan tersebut bertujuan menjaga maruah tuan empunya dan untuk mempertahankan diri.

Dikatakan falsafah keris dicipta berkaitan dengan kaedah pembuatannya yang berasal daripada asal-usul kejadian manusia. Penciptaan manusia berdasarkan kepada empat unsur, iaitu tanah, air, api dan angin. Manusia diciptakan daripada tanah dan dilembutkan dengan air yang kemudiannya dibakar dengan api dan seterusnya dihembuskan roh. Para Pandai Besi atau Empu mengambil iktibar daripada kejadian manusia ini. Bahan baku pembuatan keris seperti besi, baja dan nikel diambil daripada tanah dan diadunkan dengan api dan air semasa proses pembuatannya. Ini diikuti pula dengan doa atau mantera yang dibuat oleh Pandai Besi atau Empu dengan ritual-ritual tertentu yang bergantung kepada hajat pemesan keris. Doa atau mantera itu umpama ‘roh’ yang ditiupkan pada keris bagi mendapatkan keampuhannya.

Bagi pembuatan dan penempaan bilah keris, Pandai Besi atau Empu perlu mengambil atau mencari pelbagai jenis besi daripada sembilan (9) daerah sebagai bahan baku. Bahan baku daripada sembilan (9) daerah tadi ditempa berulang-ulang kali untuk dijadikan bilah keris. Setelah bilah siap ditempa, bilah keris ‘*disepuh*’ dengan air yang diambil sekurang-kurangnya daripada tiga (3) kuala sungai. Bahan baku bilah keris yang dibuat dan ditempa dengan kaedah ini dikenali dengan nama ‘Besi 9 Desa’. Apabila siap disepuh, bilah keris di ‘*tapa*’ kan selama empat puluh empat (44) hari di tempat yang paling tinggi di daerah mana bilah keris ditempa. Falsafahnya, keris yang di ‘*tapa*’ kan di tempat yang paling tinggi memberikan pelambangan bahawa keris itu mempunyai kehebatan yang tidak dapat ditandingi.

Dalam budaya masyarakat Jawa, Prasida Wibawa (2008: 9) memberikan lima (5) falsafah Jawa berkaitan dengan simbol kesempurnaan seorang lelaki, iaitu *Curigo* (keris), *Turangga* (kuda), *Wisma* (rumah), *Wanita* (perempuan) dan *Kukila* (burung). Kelima-lima simbol kesempurnaan itu berkait rapat dengan pengaruh budaya Hindu. Lima falsafah tersebut digunakan dalam menghadapi perjalanan kehidupan sehari-hari masyarakat Jawa. *Curigo* melambangkan kekuatan dan kejantanan. Falsafah ini juga membawa maksud sikap sentiasa waspada akan gerak dan perilaku kita agar kejadian yang tidak diingini dapat dihindarkan. *Curigo* juga kerap diertikan sebagai pengharapan terhadap Tuhan Yang Maha Esa yang mencipta masa lalu, masa kini dan masa depan kita. *Turranga* merupakan lambang kedudukan atau kekuasaan. *Turranga* juga memberikan gambaran tentang mengendalikan diri dalam kehidupan sehari-hari terhadap nafsu, ego dan angkara murka. Manakala *Wisma* pula ialah rumah, iaitu setiap kali kita pergi, pasti akan kembali ke rumah yang turut membawa erti hidup di dunia ini hanyalah sementara. *Wanita* ialah isteri sebagai penerus keturunan dan secara universal melambangkan kelembutan, cinta, kasih dan sayang. Seterusnya, *Kukila* adalah kicauan burung yang merupakan binatang peliharaan kebanyakan orang Jawa yang dapat memberikan ketenangan dalam hidup. *Turranga*, *Wisma*, *Wanita* dan *Kukila* kesemuanya itu tergantung pada kehebatan falsafah yang berada pada *Curigo*.

Berdasarkan pada penciptaan keris lok, bentuk lok yang ganjil pada bilah keris membawa falsafah yang melambangkan status dan kedudukan sosial pemiliknya. Lazimnya, keris berlok tiga (3) digunakan oleh panglima/pahlawan/pendekar dalam melaksanakan tugas mereka berkaitan dengan

keduniaan dan kerohanian. Keris berlok lima (5) mencirikan kepetahan pemiliknya dalam berbicara dan mempengaruhi orang. Manakala keris berlok tujuh (7) pula melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan. Bagi keris berlok sembilan (9) menggambarkan falsafah kebijaksanaan dan kepimpinan yang biasanya dipakai dan dimiliki oleh raja atau pemerintah. Falsafah keris berlok sebelas (11) menzahirkan yang pemiliknya bercita-cita tinggi mencari kemajuan ekonomi dan sosial dalam kehidupannya. Sementara itu, keris berlok tiga belas (13) bertunjangkan pada falsafah bahawa pemiliknya berani mati dan sanggup mempertahankan apa-apa sahaja yang dimiliki daripada dirampas tanpa hak.

Daripada aspek pemakaian keris di alam Melayu, khususnya ketika memasuki istana dan menghadap Sultan, hanya keris berhulu *Jawa Demam* dan *Pekaka* sahaja dibenarkan berada di balai Rongseri. Hal yang serupa juga berlaku dalam tradisi masyarakat Jawa. Hanya keris bersampir *Ladrang* sahaja yang diizinkan berada di dalam keraton/istana. Bentuk hulu dan sampir seperti mana yang dinyatakan adalah berasaskan falsafah bahawa keris tersebut melambangkan '*keris istiadat dan beradab*'. Dalam penempaan keris, setiap Pandai Besi atau Empu mempunyai falsafah dalam menampilkan busana pakaianya. Contohnya, jika menempa keris Diraja, mereka memakai pakaian serba kuning yang melambangkan kekeramat dan kekuasaan mutlak. Bagi tempaan keris untuk panglima atau pendekar, pakaian serba hitam dan berbengkung merah digayakan dalam menjelaskan keberanian dan kehebatan ilmu persilatan empunya keris. Manakala bagi orang atau rakyat biasa, Pandai Besi atau Empu cukup sekadar berpakaian biasa sahaja yang menyatakan status sosial empunya keris dalam masyarakat.

Berhubung kaedah pembuatan, bilah keris dicipta dengan falsafah untuk mudah diubahsuai oleh pemakai keris. Bagi pemakai keris, hulu keris boleh digenggam sama ada menggunakan tangan kanan atau kiri. Caranya adalah dengan meletakkan ibu jari pemakai pada dapur keris atau pangkal bilah keris. Oleh itu, keris dicipta dengan berfalsafahkan pada konsep '*flexibility*', iaitu bilah keris boleh dipusingkan ke kiri atau ke kanan dengan mudah mengikut keperluan. Hulu keris juga boleh dicabut dan bilah keris ditukarkan fungsinya sebagai mata tombak atau lembing.

Dalam upacara yang dikenali umum sebagai '*membersih, mencuci dan memandi keris*' yang

dibuat pada awal bulan Muhamarram, pelbagai acara tradisi keris dilakukan. Dalam budaya perkerisan, bulan Muhamarram dianggap sebagai *bulan menuntut ilmu, mengambil ilmu atau membuang ilmu*. Kebiasaannya, keris dibersihkan, dicuci dan dimandikan dengan diikuti oleh ritual-ritual khusus. Ritual-ritual tersebut dibuat bagi memantapkan *per'isi'an* dan *kedampingan* yang berada pada bilah keris. Oleh itu, salah satu daripada falsafah keris ialah keris merupakan tempat atau '*rumah*' untuk khadam diletakkan dan disimpankan. Hal ini dikatakan banyak mempengaruhi kekuatan mistik keris.

Huraian falsafah keris dimantapkan lagi oleh Tenas Effendy (2008) dengan memberikan sepuluh (10) simbol sebagai teras falsafah keris dalam masyarakat Melayu. Sepuluh (10) simbol tersebut ialah keris sebagai simbol tuah dan maruah, simbol kejantanan, simbol harga diri, simbol jati diri, simbol daulat, simbol batang tubuh, simbol senjata, simbol penjaga diri, simbol pembantu dan simbol pakaian.

### 'PHOBIA' KERIS

Apa itu keris, siapa pereka-ciptanya, bahan pembuatan dan pelbagai falsafah menjelaskan secara telus peranan keris dalam budaya masyarakat Melayu. Keris bukan digunakan untuk 'mengamuk'. Mengambil contoh dengan apa yang berlaku dalam perhimpunan agung UMNO pada 2007, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ketika itu, iaitu Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein Onn telah menghunus, mencium dan menjulang Keris Panca Warisan. Perlakuan tersebut telah mendapat bantahan keras dan meluas dengan menyatakan bahawa aksi tersebut merupakan simbol 'pergaduhan' yang boleh menjelaskan perpaduan kaum di Malaysia. Dikatakan perlakuan tersebut dianggap keterlaluan kepada kaum-kaum lain. Orang bukan Melayu menganggap perbuatan itu sebagai '*many non-Malay felt that the act was highly racial in nature*' (Rujuk: www/Aarvidi's Weblog). Manakala Malaysiakini.com dalam laman webs menyatakan '*so why shouldn't to be wary if another communal leader raises a weapon and call it a revival of the spirit of youth*'. Semasa persidangan tahunan Pemuda Gerakan pada 5hb. Oktober, 2007 di Kuala Lumpur, seorang perwakilan telah mengamatkan persidangan tahunan pergerakan tersebut dengan aksi mengangkat dua (2) bilah keris 'gergas' ketika menyampaikan

ucapannya. Manakala parti politik DAP dalam sidang medianya yang dibuat oleh Lim Kit Siang pada 11hb. November, 2007 (Rujuk: [www.Dapmalaysia.org](http://www.Dapmalaysia.org)) pula menyelar perbuatan Datuk Seri Hishamuddin tersebut sebagai '*Boiling Frog Syndrome*'.

Peringatan tegas Datuk Seri Hishamuddin tentang 'hak orang Melayu tidak boleh dicabar, jika tidak orang Melayu akan mengamuk, peristiwa 13 Mei 1969 akan berulang dan ianya akan lebih teruk lagi daripada tahun 1969 yang akan menjadikan Kuala Lumpur padang tekukur' adalah berkaitan dengan ketuanan Melayu yang berteraskan pada Perlembagaan Persekutuan 1957. Hal yang menyediakan pada masa yang sama pula orang Melayu telah merosot tahap 'kemelayuannya'. Parti politik PAS didapati tidak lagi melaungkan slogan 'Negara Islam' dan beralih motonya kepada 'Membangun Bersama Islam'. Manakala parti politik PKR di bawah pimpinan Dato' Seri Anuar Ibrahim telah merubah perjuangan nasionalisme Melayunya kepada 'bangsa sama rata'. Hal ini menjadikan konsep ketuanan Melayu semakin dipinggirkan demi 'perjuangan' parti-parti politik berkenaan.

Pernyataan 'mengapa keris mesti dikucup, mengapa keris mesti dipegang dan bilahnya dijulang ke langit?'. Hal ini berkaitan dengan falsafah penciptaannya. Dalam menyatakan hak Melayu, bidalan berikut menjelaskan siapa itu Melayu, iaitu 'kita tunduk memberi hormat, kita mengangguk mengiakan, kita berkalis menolak sengketa. Diam jangan disangka tunduk, Mengalah jangan disangka lemah'. Secara simboliknya (Rujuk: Utusan Malaysia Online \*Malay Ver [Read] keris melambangkan pernyataan seperti berikut, iaitu:

- ...Keris itu menjunjung lambang kekuatan dan warisan pusaka turun-temurun;
- ...Keris adalah lambang kemelayuan yang mendukung kedaulatan, kekuasaan, maruah, jati diri, amanah dan bertanggungjawab;
- ...Keris amat unik dalam cara membuatnya atau cara disepuh, disarung, dipakai, diguna dan ada pantang larang;
- ...Keris melambangkan kesatuan bernegara seperti Keris Panjang milik DYMM Yang Di-Pertuan Agong;
- ...Keris bukan sekadar simbol kekuasaan tetapi juga simbol kesatuan. Umumnya, rakyat Malaysia tidak banyak mengetahui bahawa keris merupakan lambang kewibawaan, kebijaksanaan dan ilmu. Orang yang memakai keris adalah orang

yang berhemah, bijaksana dan berpengetahuan dalam ilmu, bukan hanya ilmu pendekar dan persilatan sahaja;

- ...Keris dikucup bukan sekadar menerima kuasa tetapi berkaitan dengan tugas yang mendarat bersamanya, iaitu kesediaan menjunjung tinggi tugas yang diwarisi dengan penuh keinsafan dan kejujuran;
- ...Keris dijulang bermakna menjulang kuasa, kedaulatan dan tanggungjawab yang diserahkan dengan ikrar untuk berlaku adil dan saksama dalam menunaikan amanah yang diterima;
- ...Keris tidak dihunus tanpa bertempat. Keris dihunus dengan tekad untuk mempertahankan bangsa dan kepentingan negara, bukan hanya untuk orang Melayu tetapi juga mempertahankan kaum-kaum lain yang bernaung di negara ini;
- ...Keris Melayu menjadi pelindung kepada semua orang seperti juga kerajaan yang ada pada hari ini yang sentiasa melindungi rakyat pelbagai kaum yang bernaung di bawahnya. Keris Melayu berdaulat dan tiada siapa yang harus gementar atau gugup dengan lambang yang abadi itu.

Jelasnya, peristiwa menghunus, mencium dan menjulang Keris Panca Warisan seperti mana yang diperlakukan oleh Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein Onn pada perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO tidak menyalahi dan melanggar adat resam serta budaya bangsa Melayu. Sebenarnya, orang Melayu khususnya dan rakyat Malaysia amnya tidak memahami pelambangan perlakuan tersebut. Keris di hunus dan di cium melambangkan tanggungjawab yang dipikul serta kuasa yang telah diamanahkan. Contohnya, DYMM Yang Di-Pertuan Agong mencium Keris Panjang Di-Raja semasa upacara pertabalan. Simboliknya perlakuan tersebut membawa pengertian bahawa Yang Di-Pertuan Agong menerima satu perjanjian atau kontrak dengan rakyatnya, iaitu bersetuju untuk menjadi Yang Di-Pertuan dan menjalankan kuasa serta tugas Yang Di-Pertuan Agong seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Manakala mengangkat atau menjulang keris ke udara pula melambangkan diri pemilik keris tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa pemilik keris tidak berselindung dalam menyatakan sesuatu hasrat. Sekiranya pemilik keris seorang pemimpin, ianya memberi pengertian bahawa empunyanya bersifat

telus dan berhasrat memimpin pengikutnya bagi mencapai matlamat tanpa mengira penat jerih. Peristiwa mengangkat atau menjulang keris ke udara dilakukan oleh Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah selepas rundingan merdeka berjaya diselesaikan dengan pihak Inggeris. Pada ketika itu, tiada siapa pun mempersoalkan Tunku tentang perlakuannya mengangkat atau menjulang keris ke udara. Hal ini adalah disebabkan masyarakat Malaya pada waktu itu memahami dan mengerti pelambangan mengangkat atau menjulang keris ke udara menjelaskan bahawa kejayaan telah dicapai dan berfungsi menaikkan semangat pengikut bagi mencintai negara. Jelasnya, pelambangan menghunus, mencium dan menjulang keris ke udara yang dilakukan oleh Datuk Seri Hishamuddin telah disalahtafsirkan bukan sahaja orang bukan Melayu, tetapi termasuk juga orang Melayu sendiri. Tidak memahami atau tidak mahu memahami budaya bangsa Melayu telah menjelaskan keharmonian kaum di Malaysia yang sukar untuk diperbaiki dan pulihkan. Martabat bangsa Melayu telah tercalar.

Menjelaskan keris daripada sudut sejarah, keris telah melalui masa yang panjang dalam budaya bangsa Melayu. Walaupun tarikh sebenarnya keris dicipta tidak dapat dipastikan, namun dengan kewujudan empayar kerajaan Melayu seperti Silendra, Srivijaya, Singsari, Majapahit dan Kesultanan Melayu Melaka, keris merupakan satu daripada ‘medium’ dalam peluasan kuasa dan wilayah. Artifak keris warisan bangsa Melayu ini menarik minat daripada kuasa penjajah di alam Melayu khususnya Inggeris dan Belanda yang mengkaji, menulis dan mula mengumpulkan khazanah bangsa Melayu. Contohnya, Stamford Raffles (1817) dengan karyanya ‘*The History of Java*’ dan John Crawfurd (1820) menulis tentang ‘*History of the Indian Archipelago*’. Penulis Barat lain yang menulis tentang keris antaranya adalah G. B. Gardner (1936), Edward Frey (1986), Donn F. Draeger (1972) dan David van Duuren (1998). Penulis Barat kemudiannya diikuti pula penulis dari Indonesia. Penulis keris Indonesia yang terkenal antaranya ialah Koesni (1979), Moebirman (1980), Bambang Harsrinuksmo (2004), Haryo Haryoguritno (2005) dan MT Arifin (2006). Manakala penulisan keris dari Malaysia telah dipelopori oleh Shahrum Yub (1966, 2006).

Walau bagaimanapun, penulis keris Malaysia tidaklah seaktif penulis keris dari Indonesia.

Pendedahan fakta perkerisan di Malaysia tidak meluas seperti di Indonesia. Masyarakat di Indonesia khususnya suku bangsa Jawa amat menyantung budaya keris, tiada salah faham dan kekeliruan tentang keris. Konsep keris telah diterapkan berlandaskan pada falsafah Jawa mengenai keris, iaitu Curigo (keris), Turangga (kuda), Wisma (rumah), Wanita (perempuan) dan Kukila (burung). Hal ini tidak berlaku dalam masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tidak menghairankan apabila keris dihunus, dikucup dan dijulang ke langit, telah menimbulkan pelbagai reaksi seperti mana yang berlaku. Hal menghunus, mencium dan menjulang keris ke langit telah berlaku sejak sekian lama lagi dalam perjalanan sejarah bangsa Melayu. Mengambil kira tarikh penubuhan Kesultanan Melayu Melaka pada 1262 Masihi, perlakuan menghunus, mencium dan menjulang keris telah dimartabatkan lebih dari 750 tahun oleh bangsa Melayu. Jelasnya, sama ada



Y.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Sumber: Emil Bahari 2009: 95

masyarakat di Malaysia tidak memahami perlakuan yang dilakukan oleh Datuk Seri Hishamuddin atau tidak tahu atau ‘buta’ sejarah adalah sesuatu yang amat dikesali. Manakala ketika Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjulang keris ke langit tiada siapa pun mempersoalkannya. Bahkan bangsa penjajah Inggeris pula yang memahami falsafah perkerisan dalam masyarakat Melayu yang menampil dan menggayaakan pakaian penuh tradisi bangsa Melayu dengan lengkap berkeris seperti mana yang diperlakukan oleh Sir George Maxwell (Email Bahari 2009).



Sir George Maxwell  
Sumber: Emil Bahari 2009: 89

## PENUTUP

Persoalannya sekarang di manakah letaknya maruah dan jati diri bangsa Melayu? Apa perlu dipinggirkan budaya perkerisan? Raja, Kesultanan Melayu dan Yang Di-Pertuan Agong tidak lagi perlu menghunus, mencium dan menjulang keris ke langit? Menghunus, mencium dan menjulang keris semasa pertabalan DYMM Yang Di-Pertuan Agong dijadikan bahan gurauan dan sebagai ‘*political mileage*’ oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab? Sesungguhnya perlakuan gurauan dan bahan ‘*political mileage*’ adalah biadab, tidak beradat dan gagal memahami budaya bangsa Melayu. Pernyataan puisi berikut perlu diambil iktibar dengan mengatakan bahawa: ‘Ku Lihat Layu Dalam Melayu’. Gagasan memperkasakan bangsa Melayu perlu dimartabatkan supaya ungkapan ‘Melayu Mudah Lupa’ sebagaimana yang diwar-warkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, iaitu Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dijadikan pengajaran bagi generasi masa kini.

## RUJUKAN

- Bambang Harsrinuksmo. 2004. *Ensiklopedi Keris*. Jakarta: Percetakan PT Ikrar Mandiriabadi.
- Basuki Teguh Yuwono. 2008. Sekilas Tentang Keris (Proses Pembuatan, Empu dan Etika Menggunakan Keris), Seminar Keris, Kota Pati: Yayasan KI Ageng Penjawi Pati & Pemerintah Daerah Kabupaten Pati.
- Buanadjaya, B. S. 1998. *Keris Nusantara – Pamor, Nuansa Estetis & Pesona Esoteris*. Solo: C. V. Aneka.
- Crawfurd, J. 1967. *History of the Indian Archipelago (Vol. 1, 2 & 3)*. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Draeger, D. F. 1972. *Weapons and Fighting Arts of the Indonesian Archipelago*. Tokyo: Charles E. Tuttle Co., Inc.
- Duuren, D. v. 1998. *The Keris – An Earthy Approach to A Cosmic Symbol*. Wijk en Aalburg, The Netherlands: Pictures Publishers.
- Emil Bahari. 2009. *Semangat Keris Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Frey, E. 1998. *The Keris: Mystic Weapon of the Malay World*. Singapore: Oxford University Press.
- Gardner, B. B. 1973. *Keris and Other Malay Weapons*. East Ardsley, Wakefield: EP Publishing Limited.
- Hamzuri. 1983. *Petunjuk Singkat Tentang Keris*. Jakarta: Proyek Pengembangan Museum Nasional, Departmen Pendidikan & Kebudayaan Indonesia.
- Hanizah Jonoh. 1997. *Senjata-Senjata Di Zaman Kesultanan Melayu Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris Jawa – Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Hashim Hj. Mohd. Noor. 2004. *Keris: Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Ki Hudoyo Doyodipuro, Occ. 1999. *Keris: Daya Magic-Manfat-Tuah-Misteri*. Jakarta: Penerbit Dahara Prize.
- Koesni. 1974. *Pakem – Pengetahuan Tentang Keris*. Semarang: Penerbit Aneka Ilmu.
- Moebirman. 1980. *Keris-Senjata Pusaka*. Jakarta: Yayasan ‘Sapta Karya’.
- Mohd. Zainuddin Hj. Abdullah & Mohd. Shahrim Senik. 2007. *Senjata Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MT. Arifin. 2006. *Keris Jawa-Bilah, Latar Sejarah Hingga Pasar*. Jakarta: Hajied Pustaka.
- Muhammad Daud, Azali Muhammad & Abdul Nassir Ibrahim. 2009. Proses metalurgi dalam pembuatan keris tradisional. Seminar Senjata Tradisional: Sejarah dan Falsafah. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Prasida Wibawa. 2008. *Pesona Tosan Aji*. Jakarta: PT Granmedia Pustaka Umum.
- Raffles, T. S. 1965. *The History of Java (Vol. 1 & 2)*. London: Oxford University Press.
- Ragil Pamungkas. 2007. *Senjata ‘Magis’ Masyarakat Jawa*. Yogyakarta: Penerbit NARASI.
- SIRIM Berhad. 2011. *Test Report – Chemical Composition (Keris Pattani, Keris Semenanjung, Keris Sumatera/Minang, Keris Jawa, Keris Bali, Keris Lombok & Keris Bugis)*. Shah Alam: SIRIM Berhad.
- SIRIM Berhad. 2011. *Test Report – Material Analysis (Keris Bugis-Semananjung)*. Shah Alam: SIRIM Berhad
- Shahrum Yub. 2006. *Mata Keris & Bentuknya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. 2007. *Khazanah Pantun Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [www/Aarvidi's weblog](http://www/Aarvidi's weblog)
- [www/Dapmalaysia.org](http://www/Dapmalaysia.org)
- [www/Malaysiakini.com](http://www/Malaysiakini.com)
- [www/Utusan Malaysia Online \\*Malay Ver \[Read\]](http://www/Utusan Malaysia Online *Malay Ver [Read])
- Zakaria Abdullah. 2007. *Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu*. Kota Bharu: D Warisan Darul Naim.

*Khamis Mohamad, MPA*  
*Pelajar Ph.D.*  
*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: bmkhamis51@yahoo.com

*Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ph.D.*  
*Felo Utama*  
*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: nahas@ukm.my

